

29/10/2000

Tahun 2000 padat aktiviti hiburan

SEJAK akhir-akhir ini, dunia hiburan kelihatan begitu rancak sekali yang sekali gus menenggelamkan hakikat bahawa industri muzik tanah air akan berkubur menjelang tahun 2003 jika isu cetak rompak tidak dibendung segera.

Kalau pembaca budiman amati, ia bermula sejak E-Village atau perkampungan hiburan yang menelan belanja lebih RM3 bilion, dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebulan lalu.

Tetapi dalam tempoh dua minggu ini, aktiviti hiburan semakin rancak, serancak kemunculan artis baru dan lanun cetak rompak menjalankan aktiviti songsang mereka.

Bagi teman sendiri, ia bermula dengan sepetang bersama penyanyi sensasi yang pernah memenangi Grammy Award, Chaka Khan. Kehadirannya sempena Race Against Time Party bagi mengisi tabung mereka yang menghidap kanser. Seronok mendengar Chaka menyanyi sehingga tak sedar, tangan turut bertepuk-tepuk mengikut irama lagu.

Kemudian RentakAsia yang diadakan sempena Formula One minggu lalu menggegarkan Stadium Bukit Jalil. Kata dema, penyanyi yang datang memang hebat belaka seperti All 4 One, Sugar Ray, Bobby Kimball, Steve Vai, Joe Satriani dan Eric Johnson.

Tetapi kalau dah habis sehingga jam 4 pagi apa halnya? Peminat sanggup mengeluarkan duit sebanyak RM180 untuk melihat aksi hebat artis pujaan mereka. Tetapi yang mereka lihat dan dengar malam itu ialah artis sibuk membuat ujian suara dan bunyi.

Walaupun teman sebenarnya kagum dengan penganjurnya kerana berani membuat konsert sebesar dan sehebat itu dengan menggunakan sistem audio yang begitu canggih, tetapi teman harap mereka dapat mempelajari sesuatu daripadanya.

Tujuan teman tegur ini pun bukannya apa. Tak sanggup rasanya melihat orang kita yang mengeluarkan belanja lebih semata-mata untuk melihat artis pujaan mereka sedangkan aksi hiburannya tidak seberapa disebabkan sikap penganjur yang tidak pernah serik dan mahu belajar daripada kesilapan.

Macam juga konsert Bollywood. Shah Rukh Khan, Juhi Chawla dan Sushmita Sen sudah beberapa kali datang ke Malaysia. Walaupun setakat miming saja, tetapi orang kita tetap mahu menontonnya. Tapi biarlah penganjurannya bukan setakat tangkap muat saja.

Dan, dalam sibuk-sibuk dan kecoh mengenai RentakAsia dan konsert Bollywood, tiba pula E.FestAsia2000, satu lagi agenda hiburan yang juga menjanjikan pelbagai aktiviti menarik sepanjang tiga hari bermula Jumaat lalu. Menarik kerana ia menjadi satu landasan untuk membincangkan pelbagai isu berkaitan industri hiburan.

Dalam pada itu pula, stesen televisyen swasta TV3 sibuk dengan acara tahunannya Muzik-Muzik yang menjadi satu medium untuk mencari lagu manakah yang terbaik dalam kategori masing-masing.

Barangkali, penutup kepada aktiviti hiburan tanah air sepanjang tahun ini adalah Anugerah Bintang Popular 2000 anjuran akhbar teman yang akan berlangsung dalam tempoh dua minggu lagi.

Ia juga satu majlis hiburan penuh gilang-gemilang kerana pada malam itu bintang bertaraf antarabangsa, Anita Sarawak akan membuat persembahan, khas untuk peminatnya.

Jika tiada aral melintang, kumpulan Michael Learns To Rock juga akan turut serta. Memang hebat! Mahu lihat mereka in person?

Tunggu pengumuman selanjutnya...
- hanizam@bharian.co,.my

(END)